

Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan. Jawab **semua** soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C, dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.

1. Berikut merupakan Kod Etika Akauntan Profesional kecuali

- A Integriti
- B Objektiviti
- C Kerahsiaan
- D Keterbukaan

2. Ciri kualitatif Penyata Kewangan termasuk

- I Kebolehbandingan
- II Kebolehfahaman
- III Keseragaman
- IV Pemasaan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

3. Apakah hasil operasi bagi sebuah kedai menjual perabot?

- A Faedah atas simpanan
- B Sewa ruang niaga
- C Jualan set bilik tidur
- D Jualan pendingin hawa

4. Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Siakap

	<b>RM</b>
Untung bersih	3 675
Modal awal	32 000
Aset	58 916

Berapakah liabiliti Perniagaan Siakap?

- A** RM 23 241  
**B** RM 26 916  
**C** RM 30 591  
**D** RM 35 675
5. Encik Hakim, pemilik perniagaan Hakim Enterprise membeli rak pameran secara kredit bernilai RM 3 000 untuk kegunaan perniagaan. Apakah dokumen yang terlibat dalam urusan niaga tersebut?
- A** Cek  
**B** Resit  
**C** Bil Tunai  
**D** Invois
6. Apakah maklumat yang terkandung dalam penyata akaun?
- I Syarat pembayaran  
II Baki awal tunai di bank  
III Nombor invois yang tertunggak  
IV Diskaun niaga dan diskaun tunai yang dipotong dalam invois
- A** I dan II  
**B** I dan III  
**C** II dan IV  
**D** III dan IV

7. Apakah tujuan penggunaan buku catatan pertama?
- A Dapat memudahkan perekodan urus niaga.
  - B Dapat merekodkan urus niaga dengan lengkap.
  - C Dapat mengesan kesilapan catatan urus niaga.
  - D Dapat meminimumkan ketinggalan catatan urus niaga.
8. Maklumat berikut adalah berkenaan Butik D'ROS Fesyen

**MEMO**

Butik D'ROS Fesyen  
3, Jalan Kelana 2, Lot Pakaian Indah  
54600 Pulau Pinang

Kepada: Kerani Akaun Tarikh: 3 Julai 2019

Mengambil barang niaga bernilai RM350 untuk derma kepada anak yatim.

*Temah*  
Pengurus

Apakah catatan bergu bagi dokumen sumber di atas

	Akaun Debit	Akaun Kredit
A	Derma	Tunai
B	Derma	Belian
C	Ambilan	Tunai
D	Ambilan	Belian

9. Jadual berikut menyenaraikan urusanniaga Kedai Jahit Pakaian Seri

<b>P</b>	Bayar gaji pekerja
<b>Q</b>	Beli mesin jahit automatik
<b>R</b>	Baiki suis elektrik yang rosak
<b>S</b>	Bayar setem dan pendaftaran pos

Urusniaga manakah yang direkodkan dalam Buku Tunai Runcit?

- A P dan Q
  - B P dan R
  - C Q dan R
  - D R dan S
10. Pada 1 Jun 2021, Puan Mahani telah memulakan perniagaan Mahani Enterprise dengan membawa masuk sebuah van bernilai RM 80 000.

Catatan bergu manakah yang betul?

	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
<b>A</b>	Bank	Van
<b>B</b>	Van	Bank
<b>C</b>	Kenderaan	Modal
<b>D</b>	Modal	Kenderaan



12. Perniagaan Jirisan ialah pembeli manakala penjual ialah Alia Enterprise. Pada 31 Mac 2021, buku Perniagaan Jirisan menunjukkan baki-baki yang berikut bagi Alia Enterprise.

Lejar Jualan	RM1 000
Lejar Belian	RM2 500

Perniagaan Jirisan mempunyai Akaun Kawalan Belum Terima dan Akaun Kawalan Belum Bayar. Catatan kontra yang manakah betul dalam Akaun Kawalan berkenaan.

	<b>Debitkan Akaun</b>	<b>RM</b>	<b>Kreditkan Akaun</b>	<b>RM</b>
<b>A</b>	Kawalan Belum Terima	1 000	Kawalan Belum Bayar	1 000
<b>B</b>	Kawalan Belum Terima	2 500	Kawalan Belum Bayar	2 500
<b>C</b>	Kawalan Belum Bayar	1 000	Kawalan Belum Terima	1 000
<b>D</b>	Kawalan Belum Bayar	2 500	Kawalan Belum Terima	2 500

13. Antara yang berikut, yang manakah fungsi Imbangan Duga?

- A** Memudahkan penyediaan Penyata Kewangan.
- B** Mengelakkan kesilapan berlaku dalam akaun lejar.
- C** Membantu bakal pelabur mengenal pasti pelaburan yang menguntungkan.
- D** Membantu pihak pengurusan membuat perancangan perniagaan masa depan.

14. Antara yang berikut, yang manakah merupakan tujuan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi disediakan?

- I** Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan.
- II** Menunjukkan jumlah modal dan keunntungan atau kerugian perniagaan.
- III** Mengetahui sama ada sesebuah perniagaan mendapat untung atau rugi kasar.
- IV** Mengetahui sama ada sesebuah perniagaan mendapat untung atau rugi bersih setelah mengambil kira hasil dan belanja.

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

15. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Delaila.

Insurans setahun	RM 9 120
Tarikh insurans bermula	1 Jun 2020

Berapakah nilai insurans yang direkod dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2021?

- A Insurans belum bayar RM 1 520.
  - B Insurans belum bayar RM 7 600.
  - C Insurans prabayar RM 7 600.
  - D Insurans prabayar RM 1 520.
16. Petikan Imbangan Duga berikut diambil daripada buku Perniagaan Murni dan Keluarga

**Perniagaan Murni dan Keluarga**  
**Imbangan Duga pada 31 Disember 2010**

	<b>Debit</b> <b>RM</b>	<b>Kredit</b> <b>RM</b>
Akaun Belum Terima	8 000	
Peruntukan hutang ragu		240

**Maklumat tambahan :**

Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 2% atas Akaun Belum Terima.

Berapakah amaun peruntukan hutang ragu dalam Akaun Untung Rugi?

- A RM 80.
- B RM 160.
- C RM 240.
- D RM 320.

17. Maklumat berikut dipetik daripada buku perniagaan Malik Auto yang menjalankan perniagaan membaiki kereta

	1 Januari 2014	31 Disember 2014
	RM	RM
Alatan kecil	350	210
<b>Maklumat tambahan:</b> Alatan kecil berjumlah RM 430 telah dibeli sepanjang tahun 2014		

Berapakah susut nilai alatan kecil yang dicatat pada Akaun Untung Rugi?

- A RM 130.
  - B RM 140.
  - C RM 230.
  - D RM 570.
18. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kedai Wira pada 31 Disember 2012

	<b>RM</b>
Mesin (kos)	30 000
Susut nilai terkumpul mesin	6 000

Mesin tersebut dijual pada harga RM 25 500 pada 31 Disember 2012. Berapakah untung atau rugi pelupusan mesin tersebut?

- A Rugi pelupusan RM 1 500.
- B Rugi pelupusan RM 4 500.
- C Untung pelupusan RM 1 500.
- D Untung pelupusan RM 4 500.



19. Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Perniagaan Arif pada 31 Januari 2015.

	RM
Untung kasar	3 575
Faedah atas pinjaman	1 100
Sewa diterima	800
Kadar bayaran	720
Maklumat tambahan :	
Kadar bayaran terdahulu RM 180	

Berapakah untung bersih Perniagaan Arif ?

- A RM 2 555.
- B RM 2 735.
- C RM 3 155.
- D RM 3 335.

20. Jualan barang niaga RM 2300 kepada Aisyah telah didebitkan dalam Akaun Asiah. Bagaimanakah kesilapan ini diperbetulkan dalam Jurnal Am?

**A**

<b>Jurnal Am</b>		
<b>Butir</b>	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Aisyah Jualan	2 300	2 300

**B**

<b>Jurnal Am</b>		
<b>Butir</b>	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Aisyah Asiah	2 300	2 300

**C**

<b>Jurnal Am</b>		
<b>Butir</b>	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Asiah Jualan	2 300	2 300

**D**

<b>Jurnal Am</b>		
<b>Butir</b>	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Asiah Aisyah	2 300	2 300

21. Antara yang berikut, manakah yang merupakan nisbah keberuntungan?

- I Nisbah Semasa
- II Pulangan Atas Modal
- III Kadar Pusing Ganti Inventori
- IV Peratus Untung Bersih Atas Jualan

- A I dan II
- B II dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

22. Maklumat berikut berkaitan dengan nisbah semasa dua buah perniagaan.

	Perniagaan Indah	Makmur Enterprise
Nisbah Semasa	2 : 1	3 : 1

Apakah tafsiran yang betul menggambarkan kedua-dua perniagaan tersebut?

- A Makmur Enterprise memperoleh kadar keuntungan kasar lebih tinggi berbanding Perniagaan Indah.
- B Kedudukan untung keseluruhan Makmur Enterprise adalah lebih baik berbanding Perniagaan Indah.
- C Harga jualan Makmur Enterprise lebih tinggi berbanding harga jualan Perniagaan Indah.
- D Kedua-dua perniagaan berkemampuan untuk menjelaskan liabiliti semasa.

23. Antara berikut, yang manakah menyebabkan rekod perakaunan tak lengkap?

- I Menyimpan hanya rekod Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar.
- II Mencatat di buku tunai sahaja.
- III Merekod menggunakan sistem catatan bergu.
- IV Mencatat di buku catatan pertama dan pindahan ke lejar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

24. Maklumat berikut diperolehi daripada baki Kedai Alat Tulis Ria, sebuah perniagaan yang menyimpan rekod yang tidak lengkap.

**Penyata Mengira Untung atau Rugi bagi tahun berakhir 31 Januari 20X7**

	<b>RM</b>
Y	55 400
Tambah: Ambilan	2 500
	57 900
Tolak: Modal Tambahan	(35 600)
Z	22 300

Apakah butiran Y?

- A Modal Awal.
  - B Modal Akhir.
  - C Untung Kasar.
  - D Untung Bersih.
25. Cik Aishah, seorang peniaga mempunyai rekod perniagaan yang tidak lengkap. Beliau membuat analisis berkaitan dengan perabot perniagaannya seperti yang berikut.

	<b>RM</b>
Baki perabot pada 1 Januari 20X1	11 200
Tambah: Belian perabot baru	6 400
	17 600
Tolak: Baki perabot pada 31 Disember 20X1	(16 200)
S	1 400

Apakah S?

- A Susut Nilai Perabot.
- B Rugi Pelupusan Perabot.
- C Untung Pelupusan Perabot.
- D Baki Perabot Pada 1 Januari 20X1.

26. Antara berikut, yang manakah akan berlaku sekiranya kawalan tunai diamalkan sepenuhnya?
- I Dapat menentukan keuntungan perniagaan yang maksimum.
  - II Dapat mengelakkan kehilangan aset bukan semasa.
  - III Dapat menentukan aliran tunai perniagaan pada tahap memuaskan.
  - IV Risiko kehilangan tunai dapat diminimumkan.
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
27. Kerani akaun Perniagaan Cermat menyediakan Penyata Penyesuaian Bank dengan baki kredit di Penyata Bank. Item manakah yang akan ditolak daripada baki kredit Penyata Bank tersebut?
- I Buku cek.
  - II Dividen.
  - III Cek belum dikemukakan.
  - IV Deposit belum dikreditkan.
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
28. Baki akhir sebenar ialah RM 8 000 dan baki akhir dalam Belanjawan Tunai ialah RM 5 000. Berapakah perbezaan tersebut? Adakah keadaan ini memuaskan atau tidak memuaskan?
- A RM 3 000 Memuaskan.  
B RM 5 000 Memuaskan.  
C RM 3 000 Tidak Memuaskan.  
D RM 5 000 Tidak Memuaskan.

29. Jika Ikatan Perkongsian tidak dibuat, Akta Perkongsian 1961 menyatakan

- A Nisbah pembahagian untung rugi mengikut nisbah modal.
- B Faedah atas modal 8% setahun.
- C Tiada faedah atas pinjaman.
- D Pekongsi tidak menerima gaji.

30. Maklumat di bawah diperolehi daripada Perkongsian Azie dan Bob pada 30 Jun 2020.

	<b>RM</b>
Untung bersih	6 000
Faedah atas modal	1 200
Faedah atas ambilan	300

Berapakah kongsi untung atau rugi setiap pekongsi jika untung atau rugi dibahagikan sama rata?

- A RM 2 250.
- B RM 2 300.
- C RM 2 550.
- D RM 3 750.

31. Manakah antara berikut menyebabkan sesebuah perniagaan itu dibubarkan.

- I Arahan mahkamah untuk membubarkan perkongsian.
- II Salah seorang pekongsi mendapat kerugian daripada perkongsian.
- III Pekongsi membawa masuk modal tambahan.
- IV Berlaku kematian kepada salah seorang pekongsi .

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

32. Berikut merupakan Akaun Modal yang dipetik daripada buku Perkongsian Tina dan Fina yang telah membubarkan perkongsian mereka.

Dt **Akaun Modal** Kt

Tarikh	Butir	Tina	Fina	Tarikh	Butir	Tina	Fina
	Realisasi		RM 3 000				

Apakah urusaniaga yang tepat bagi catatan di atas

- A Fina membayar belanja realisasi sebanyak RM 3000.
- B Modal tambahan dibawa masuk oleh Fina sebanyak RM 3000.
- C Untung realisasi sebanyak RM 3000 ke Akaun Fina.
- D Fina mengambil alih aset pada nilai RM 3000.

33. Pada 15 Oktober 2021 Syarikat Mogah Berhad telah menerbitkan 4 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM 0.50 sesyer bagi mengembangkan modal perniagaannya. Apakah catatan lejar untuk terbitan syer berkenaan?

**A**

<b>Akaun Permohonan Syer Biasa</b>		
2021		RM
Okt 15	Mogah Berhad	2000 000

<b>Akaun Mogah Berhad</b>		
2021		RM
Okt 15	Permohonan Syer Biasa	2000 000

**B**

<b>Akaun Mogah Berhad</b>		
2021		RM
Okt 15	Mogah Berhad	4000 000

<b>Akaun Permohonan Syer Biasa</b>		
2021		RM
Okt 15	Permohonan Syer Biasa	4000 000

**C**

<b>Akaun Permohonan Syer Biasa</b>		
2021		RM
Okt 15	Modal Syer Biasa	2 000 000

<b>Akaun Modal Syer Biasa</b>		
2021		RM
Okt 15	Permohonan Syer Biasa	2000 000

**D**

<b>Akaun Modal Syer Biasa</b>		
2021		RM
Okt 15	Modal Syer Biasa	4000 000

<b>Akaun Permohonan Syer Biasa</b>		
2021		RM
Okt 15	Permohonan Syer Biasa	4000 000



34. Maklumat berikut diambil daripada Syarikat Aman Berhad pada 1 Januari 2021.

**Modal diterbitkan:**

500 000 unit 6% saham keutamaan RM 1 sesyer

1 000 000 unit saham biasa RM 0.50 sesyer

**Maklumat tambahan :**

Pada 1 Oktober 2021, Lembaga Pengarah telah memutuskan untuk membayar dividen kepada pemegang syer keutamaan dan 2% dividen interim kepada pemegang syer biasa.

Berapakah jumlah dividen yang dibayar oleh syarikat?

- A RM 32 500.
- B RM 22 500.
- C RM 40 000.
- D RM 10 000.

35. Berikut merupakan sumber kewangan lain bagi sesebuah Kelab dan Persatuan kecuali...

- A Yuran pendaftaran.
- B Yuran keahlian.
- C Faedah atas pelaburan.
- D Kutipan jualan pesta ria.

36. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kelab Futsal Berjaya

	1 Januari 2019	31 Disember 2019
	RM	RM
Yuran Belum Terima	-	230
Yuran Belum terperoleh	140	50

Jumlah yuran yang sepatutnya diterima untuk tahun 2019 ialah sebanyak RM 3 440. Berapakah jumlah yuran yang direkodkan di dalam Akaun Penerimaan dan Pembayaran?

- A RM 3 760.
- B RM 3 580.
- C RM 3 300.
- D RM 3 120.

37. Apakah akaun yang perlu disediakan bagi kelab dan persatuan yang memiliki restoran untuk mencari untung atau rugi restoran?

- A Akaun Tunai.
- B Akaun Untung Rugi.
- C Akaun Perdagangan Restoran.
- D Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.

38. Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Surya

	<b>RM</b>
Inventori akhir barang siap	2 300
Kos overhead	3 500
Upah langsung	1 900
Kos bahan langsung	2 700
Hak cipta	300
Kerja dalam proses awal	210
Kerja dalam proses akhir	180

- A RM 6 130.
- B RM 8 430.
- C RM 10 730.
- D RM 11 090.

39. Maklumat yang berikut berkaitan dengan pengeluaran susu kacang soya Kilang Soya.

	<b>RM</b>
Kos Tetap	3 000
Kos berubah seunit	X
Harga jualan seunit	10

Titik pulang modal bagi pengeluaran susu kacang soya tersebut ialah 600 unit. Berapakah nilai X?

- A RM 5.
- B RM 10.
- C RM 15.
- D RM 20.

40. Maklumat yang berikut merujuk kepada pengeluaran baju batik oleh perusahaan KCK.

	RM
Harga jualan seunit	150
Kos berubah seunit	90
Kos tetap	10 000

Berapakah jumlah baju batik yang perlu dikeluarkan untuk mendapat keuntungan sasaran sebanyak RM 20 000?

- A 500 unit.
- B 334 unit.
- C 200 unit.
- D 50 unit.

**KERTAS SOALAN TAMAT**